

15 MAR 1997

Mahathir-Sikap

SEMAIKAN SIKAP BERTANGGUNGJAWAB SEJAK DARI KECIL, KATA MAHATHIR

KANGAR, 15 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua pihak khususnya ibu bapa tentang pentingnya ditanam sikap bertanggungjawab di kalangan anak-anak sejak dari awal lagi.

Sikap bertanggungjawab perlu dijadikan nilai hidup kerana gejala sosial yang sedang berlaku tidak boleh ditentang tanpa mereka disedarkan tentang tanggungjawab masing-masing.

"Sikap kita dalam menangani masalah itu ialah kita perlu faham apa masalah yang sedang dihadapi, kesannya dan apa yang harus dilakukan," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis perhimpunan pemimpin bersama rakyat di Dewan Warisan Negeri di sini hari ini.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, guru yang mengajar sejarah seharusnya memberi penekanan terhadap kesan yang boleh dipelajari daripada sejarah yang diajar dan bukannya terlalu memberi penekanan kepada fakta dan tarikh sesuatu peristiwa untuk dihafal pelajar.

Dalam ucapannya pada majlis itu Dr Mahathir memberi penekanan terhadap pentingnya perasaan bertanggungjawab kalangan remaja kepada negara.

Perasaan bertanggungjawab ini akan dapat menghindari mereka daripada gejala sosial, katanya.

"Kalau mereka membiarkan diri mereka terbabit dengan masalah sosial sudah tentu negara tidak akan aman dan mereka akan menjadi mangsa gejala sosial di zaman mereka.

"Sekiranya mereka dan rakyat seluruhnya tidak bertanggungjawab dan membuat sesuatu perkara mengikut sesuka hati, negara akan hancur," katanya.

Dr Mahathir menarik perhatian kepada negara yang menghadapi masalah ketidaktenteraman akibat daripada sikap rakyat di negara berkenaan yang tidak mengutamakan nilai-nilai mulia sehingga timbul pelbagai masalah yang menjejaskan kehidupan mereka sendiri.

Oleh itu hanya dengan mempunyai penduduk yang bertanggungjawab baru rakyat dapat membangunkan negara dan menebus maruah bangsa, katanya.

Pada persidangan berita itu juga, Perdana Menteri menyatakan rasa yakinnya bahawa Perlis mempunyai potensi yang baik untuk meningkat maju di bawah kepimpinan Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

"Daripada apa yang dilihat, Perlis mempunyai cita-cita besar ... ia akan mempunyai pelabuhan laut dalam, dermaga kontena, projek tebus guna tanah dan program penswastaaan," katanya.

Beliau melihat pucuk pimpinan kerajaan negeri mempunyai hala tuju yang baik dengan kepimpinannya yang bijak. -- BERNAMA

MFJ RON